

Penempatan pendatang asing di Pudu kena serbu

Op Patuh periksa 245 individu tinggal di bangunan penuh sampah, busuk, kawasan tak teratur

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kemudahan lif, lampu tangga dan koridor tidak berfungsi dengan sempurna, manakala kawasan dalam bangunan pula dipenuhi sampah sarap dan berbau busuk.

Itu keadaan dalam sebuah bangunan dijadikan penempatan pendatang asing di Pudu, Kuala Lumpur yang diserbu Jabatan Imigresen bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) di bawah Op Patuh, petang kelmarin.

Dalam gerakan bersepadu bermula pada jam 5 petang dan berakhir awal pagi semalam itu, seramai 72 warga asing ditahan hasil pemeriksaan terhadap 245 individu.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Khairul Dzaimee Daud, berkata pemeriksaan mendapati kawasan itu dihuni majoriti warga asing, yang bukan sahaja tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), malah tinggal di kawasan sangat kotor dan tidak teratur.

"Kemudahan awam seperti lif, lampu tangga dan koridor tidak berfungsi dengan sempurna, kawasan dalam bangunan pula di-



Seramai 72 warga asing ditahan dalam Op Patuh gerakan bersepadu antara Jabatan Imigresen dan PDRM di Pudu, kelmarin.
(Foto ihsan Jabatan Imigresen)

penuhi sampah dan berbau busuk," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, warga asing yang diperiksa terdiri daripada pelbagai warganegara, berusia antara 25 hingga 50 tahun, manakala yang ditahan pula membabitkan 43 lelaki dan 29 wanita kerana pelbagai kesalahan, terutama tiada dokumen perjalanan, salah guna pas lawatan dan tinggal lebih masa.

Khairul Dzaimee berkata, ketika pemeriksaan, terdapat warga asing cuba melarikan diri dan menyorok di celah ruang dinding yang diubah suai.

"Bagaimanapun cubaan mereka berjaya dikesan dan digagalkan. Pegawai operasi juga terpaksa memecahkan pintu kerana kebanyakannya penghuni yang diperiksa tidak memberikan kerjasama, termasuk menyorok dan memadamkan lampu.

"Lokasi ini juga dipercayai saran pelacuran membabitkan wanita warga asing dan pernah beberapa kali diserbu Jabatan Imigresen sebelum ini," kata-

nya.

Beliau menjelaskan, semua yang ditahan dibawa menjalani ujian saringan COVID-19 sebelum ditempatkan di Depoh Imig-

resen Bukit Jalil untuk siasatan mengikut Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

"Jabatan Imigresen akan terus melaksanakan operasi penguasaan bersama agensi yang lain bawah Op Patuh yang diteraui Kementerian Dalam Ne-

geri.

"Operasi ini bukan sahaja untuk mengesan dan menangkap pendatang asing tanpa izin dan individu bersekongkol dengan mereka, malah bertujuan mencegah penularan COVID-19 dalam komuniti," katanya.